



---

**DASAR PERLANCONGAN**  
NEGERI KELANTAN

DASAR PELANCONGAN

# **DASAR PERLANCONGAN NEGERI KELANTAN**

## **1. TAKRIF**

- 1.1 Pelancongan dalam dasar ini ditakrifkan sebagai sebarang kegiatan berkaitan dengan musafir, rehlah, siyahah, hijrah dan riadah yang merang-kumi perniagaan, menuntut ilmu, berdakwah, meninjau keadaan alam, mendapat maklumat dan iktibar, kesihatan, rekreasi, kekeluargaan, per-sahabatan dan berlindung daripada ancaman serta perubahan sikap untuk mencari keredhaan Allah s.w.t. Komponen pelancongan yang dirujuk dalam dasar ini ialah industri pengangkutan, penginapan, makanan dan daya tarikan.
- 1.2 Islam dalam dasar ini ditakrifkan sebagai satu agama (ad-Din) yang lengkap dan menyeluruh dalam segala aspek kehidupan zahir dan batin yang diniatkan kerana Allah s.w.t, dipandu dan dipaksikan kepada al-Qur'an dan al-Hadis.

## **2. MUKADDIMAH**

- 2.1 Dasar ini berpendirian bahawa pelancongan merupakan nikmat dan menjadi punca rezeki yang baik daripada Allah s.w.t kepada hamba-hamba-nya: Dialah yang menjadikan bumi itu mudah digunakan bagi kamu, maka berjalanlah di setiap penjurunya dan makanlah sebahagian daripada rezeki yang dikurniakan Allah. Dan hanya kepada-Nyalah kamu (kembali setelah) dibangkitkan [surah Al-Mulk: 15]
- 2.2 Memandangkan sifat industri pelancongan adalah kompleks, maka dasar ini bermaksud untuk memberi panduan dan hala tuju kepada sektor pelancongan Kelantan secara bersepadu berlandaskan lunas-lunas Islam.
- 2.3 Menyedari bahawa industri pelancongan merupakan satu kegiatan yang mengundang kunjungan orang luar, maka dasar ini menekankan penglibatan semua pihak untuk merancang dan melaksanakan semua program berintipatikan dakwah, pendidikan (ta'dib / tarbiyah) dan pembangunan insan.

- 2.4 Dasar ini akan disusuli dengan Pelan Induk dan Pelan Tindakan bagi me-majukan industri pengangkutan, penginapan, makanan dan daya tarikan selaras dengan undang-undang, akta, enakmen, peraturan dan arahan dalam jentera kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan agensi-agensi kerajaan, terutamanya Jabatan Hal Ehwal Islam Kelantan (JHEIK).
- 2.5 Dasar ini hendaklah tidak dijadikan sebagai hukum agama dalam pengertian yang sempit tetapi sebagai landasan yang memanifestasikan nilai-nilai falsafah keuniversalan Islam dalam bentuk melindungi, mence-gah/nakalan minallah' mendidik, memulih, menyesuai alam dan budaya serta kemanusiaan seluruhnya baik di kalangan tuan rumah mahu pun pelawat.
- 2.6 Sumber-sumber yang dirujuk sebagai asas penggubalan Dasar ini adalah:

Dasar Kebudayaan Al-Qur'an al Karim,  
Al-Hadis,  
Ijmak Ulamak  
Akta Benda Purba, 1976  
Akta Industri Pelancongan I 992(Akta 482)  
Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992(481)  
Dasar `Mennbangun Bersama Islam Kerajaan Negeri Kelantan',  
Kebangsaan,Tahun 1971,  
Dasar Pembangunan Negeri Kelantan;  
Environment Quality Act (Amendment 1985),  
Peraturan Majlis Kebudayaan Negeri, Kelantan  
Theatres and Places of public Amusement No.47/ 1936,  
Town and Country Planning Act 1976,  
Undang-undang Kanun Jenayah Kelantan Bill Tahun 1983  
Undang-undang Kanun Jenayah Kelantan Bil. 2 Tahun 1993  
Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan, Kelantan  
(Pindaan 1985)

- ### **3. FALSAFAH : PELANCONGAN SEBAGAI SATU IBADAT**
- 3.1 Selaras dengan kesungguhan kerajaan negeri Kelantan merealisasikan dasar Membangun Bersama Islam dengan menjadikan Islam sebagai Ad-Din, dasar ini mendokong cita-cita untuk membentuk dan membangunkan sektor pelancongan sebagai satu ibadat kepada Allah s.w.t. berdasarkan prinsip Amar Makruf Nahi Mungkar.

## **4. MATLAMAT DASAR PELANCONGAN KELANTAN**

- 4.1 Menjadikan segala tindakan dalam perancangan, pembangunan, kegiatan, penguatkuasaan dan penggalak dalam bidang pelancongan sebagai satu ibadat;
- 4.2 Memulihara, membangun dan memperkenalkan masyarakat, kebudayaan dan institusi pemerintahan Islam Kelantan sebagai destinasi dan produk pelancongan utama;
- 4.3 Mewujudkan suasana musafir, rehlah, siyahah, hijrah, ziarah, dan riadah bersifat keilmuan, pendidikan (ta'dib/terbiyah), pembangunan insane dan peluang berdakwah;
- 4.4 Mempertingkatkan sifat taqwa melalui pemaparan pelbagai dan budaya;
- 4.5 Menjana dan mengeratkan ukhuwah Islamiah dan perasaan muhibah pelbagai lapisan masyarakat;
- 4.6 Melahirkan insan yang bersyukur dan insaf kepada nikmat Allah s.w.t dengan menghayati dan menikmati keindahan alam ciptaan-Nya;
- 4.7 Menjadikan bidang pelancongan sebagai cara untuk melindung, memuli-hara dan mengekal keaslian alam ciptaan-Nya;
- 4.8 Mengembang dan memajukan sektor pelancongan berdasarkan sumber dan kekuatan dalaman, menambah bilangan pelancongan serta menjana tukaran asing berlandakan prinsip-prinsip Islam.

## **5. PRINSIP DAN GARIS PANDUAN UTAMA**

- 5.1 Prinsip dan garis panduan utama Dasar Pelancongan Negeri Kelantan adalah: Bahawa industri pelancongan Kelantan mestilah ditegakkan di atas landasan Din al-Islam
- 5.2 Bahawa segala kegiatan pelancongan hendaklah bersifat mendakwah, mendidik (ta'dib/terbiyah) dan membangunkan insan.
- 5.3 Bahawa segala bentuk kegiatan hendaklah ditangguhkan pada masa ibadat khususnya Islam dan mestilah mengutamakan untuk mengerjakannya.

- 5.4 Bahawa pelancongan Islam hendaklah menutup aurat dan pelancongan bukan Islam hendaklah berpakaian sopan.
- 5.5 Bahawa industri pelancongan tidak boleh mengadakan sebarang bentuk kegiatan dan kemudahan beransur maksiat dan mungkar.
- 5.6 Bahawa pekerja wanita dalam industri pelancongan mestilah dalam bidang yang sesuai dengan jenis pekerjaan, sifat kewanitaan dan waktu kerja mengikut kehendak Islam.
- 5.7 Bahawa pemandu pelancong wanita hanya boleh membawa pelancong wanita dan pemandu pelancong lelaki tidak boleh membawa pelancong wanita
- 5.8 Bahawa produk, Kegiatan dan persembahan kebudayaan yang tidak selari dengan kehendak Islam tidak dibenarkan kecuali dalam kawasan yang dikhaskan dan hanya boleh ditonton oleh pelancong bukan Islam;
- 5.9 Bahawa tempat ibadat bagi orang Islam hendaklah disediakan di setiap destinasi, tempat persinggahan, tempat penginapan dan tempat-tempat awam;
- 5.10 Bahawa semua premis pelancongan baru wajib mengadakan masjid /musalla yang selesa untuk kemudahan solat berjemaah.
- 5.11 Bahawa pihak tuan rumah hendaklah berakhhlak mulia, berperibadi Islam, ramah mesra, menghormati tetamu dan menjadi 'sahabat yang soleh'
- 5.12 Bahawa pelancongan mesti menghormati agama, budaya dan nilai kehidupan masyarakat tempatan;
- 5.13 Bahawa penyediaan makanan dan minuman mestilah halal dan bersih;
- 5.14 Bahawa kemudahan sanitari yang balk, bersih dan indah hendaklah disediakan disetiap destinasi, tempat persinggahan, dalam perjalanan, tempat penginapan dan tempat-tempat awam;
- 5.15 Bahawa semua pihak yang terlibat dalam industri perlancungan tidak boleh menaikkan semua bentuk bayaran sewenang- wenangnya

- 5.16 Bahawa semua pihak hendaklah mengamalkan kebersihan fizikal dan kerohanian.
- 5.17 Bahawa industri pelancongan hendaklah mengutamakan sumber tempatan dalam semua aspek selagi tidak bertentangan dengan kehendak Islam
- 5.18 Bahawa semua perancangan dan perlaksanaan pembangunan pelancongan hendaklah mengekalkan keaslian dan keindahan alam ciptaan Allah s.w.t;
- 5.19 Bahawa keselesaan hendaklah diutamakan dalam pengurusan industri pelancongan.

## **6. STRATEGI PELAKSANAAN DASAR**

Untuk memastikan industri pelancongan berkembang dan lebih maju,strategi pelaksanaan dasar ini hendaklah selari dan selaras dengan dasar pembangunan negeri Kelantan dengan melaksanakan strategi-strategi berikut:

- 6.1 Menerap dan menegakkan dasar ini dalam merancang, melaksana dan mengawal pembangunan pelancongan;
- 6.2 Mempertingkatkan kawalan dan penguatkuasaan fatwa, undang-undang, enakmen, akta, dasar, arahan dan peraturan terhadap amalan agama, kemasyarakatan, cara hidup, kesenian, alam ciptaan Allah s.w.t dan artifak untuk menonjolkan imej budaya dan alam sekitar tempatan selaras dengan kehendak Islam;
- 6.3 Menggubalkan dan menguatkuasa undang-undang dan agama, peraturan tentang adab-adab melancong yang berkait dengan budaya dan tat susila masyarakat di tempat-tempat yang dilawati;
- 6.4 Mempastikan pengiklanan dan promosi pelancongan menonjolkan keadaan sebenar, tidak memperagakan wanita, tidak menonjolkan unsur-unsur pergaulan bebas, seks, dorongan kemewahan dan perkara yang diharamkan oleh syarak;
- 6.5 Mempertingkatkan kesedaran tentang kepentingan pelancongan sebagai salah satu ibadat;

- 6.6 Mempertingkatkan kerjasama dan ketulusan semua pihak untuk mewujudkan keselarasan dalam pembangunan industri pelancongan;
- 6.7 Merangsang peningkatan mutu perkhidmatan jabatan dan agensi kerajaan, pihak berkuasa agama Islam, pengusaha, pertubuhan bukan-kerajaan (NGO) dan masyarakat umum di semua peringkat ke arah memajukan sektor pelancongan
- 6.8 Mempertingkatkan kawalan terhadap pertumbuhan produk dan premis perlancongan demi mengelakkan penawaran yang berlebihan dan persaingan yang merugikan;
- 6.9 Mempertingkatkan kemudahan dan prasana pelancongan yang menyeluruh dan menguatkusakan undang-undang yang berkaitan dengan undang-undang yang berkait dengan keselamatan harta awam;
- 6.10 Memberi peluang kepada pelabur luar terlibat dalam produk dan perkhidmatan pelancongan baru dengan mengenakan syarat-syarat tertentu;
- 6.11 Mengadakan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk kegiatan dan pembangunan pelancongan.

## **7. STRATEGI MENGIKUT ASPEK-ASPEK KHUSUS DAN JANGKA MASA TINDAKAN**

Untuk melicinkan pelaksanaan Dasar ini dengan berkesan dan mencapai matlamatnya, maka strategi khusus dan jangka masa tindakan yang perlu diambil oleh kerajaan adalah:

- 7.1 Menubuhkan Bahagian Pelancongan Negeri Kelantan (BPNK) untuk mempertingkatkan industri pelancongan di Kelantan adalah wajar ditubuhkan BPNK dengan fungsi dan bidang tugas berikut:
  - 7.1.1 BPNK bertanggungjawab merancang, membangun, melaksanakan dan mengawal industri pelancongan Kelantan;
  - 7.1.2 BPNK hendaklah mempunyai Pusat Penerangan Pelancongan (TIC), Unit Prasarana, Unit Perhubungan Media/ Pengiklanan, Unit Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Unit Acara/Pesta/ Pameran, dan unit Misi Jualan/ Pemasaran;

- 7.1.3 Mempertingkatkan kerjasama dan penyelarasan diantara BPNK dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia serta lain-lain kementerian, jabatan dan badan disemua peringkat;
- 7.1.4 Mengadakan cawangan pusat Penerangan Perlancongan (TIC) di pintu masuk utama ke negeri Kelantan;
- 7.1.5 Mempertingkatkan motivasi, latihan profesional dan kecekapan bahasa asing di kalangan kakitangan kerajaan, pihak swasta dan badan organisasi kerajaan (NGO) yang terlibat dalam bidang pelancongan ;
- 7.1.6 Menggalakkan kegiatan dan menaungi organisasi bukan kerajaan (NGO) dalam kegiatan pelancongan;
- 7.1.7 Memperbanyakkan acara, festival, ekspo dan karnival tahunan;
- 7.1.8 Menggalakkan pihak pengusaha industri pelancongan menyediakan pakej istimewa tiga malam sesuai dengan adab bertamu dalam Islam;
- 7.1.9 Mempertingkatkan rancangan pemasaran pelancongan yang bermutu dan berkesan melalui pelbagai media dan pendekatan ;
- 7.1.10 Memaju dan memantapkan produk pelancongan berbentuk budaya dan alam ciptaan Allah s.w.t dan membangunkan produk-produk baru yang berpotensi dan sesuai dengan kehendak Islam;
- 7.1.11 Mengaktifkan agensi pelancongan, pemborong pelancongan dan pemandu pelancongan tempatan untuk membuka cawangan di luar Kelantan;
- 7.1.12 Menyebarluaskan maklumat tentang adab-adab bermusa fir dalam Islam;
- 7.1.13 Menggalakkan pelancong wanita Islam ditemani oleh mahramnya;

- 7.1.14 Menggalak dan memberi insentif kepada pihak swasta Islam menggunakan sumber ternpatan dan menonjolkan imej budaya Melayu- dalam pengeluaran produk dan perkhidmatan pelancongan;
- 7.1.15 Menggalakan dan memberi insentif kepada pengusaha industri pelancongan melabur di luar Kelantan dan membuat rangkaian dengan pengeluaran produk dan perkhidmatan ternpatan;
- 7.1.16 BPNK bertanggungjawab mendaftar semua pihak yang terlibat dalam industri pelancongan

#### **JANGKA MASATINDAKAN :**

**Perlu ditubuhkan segera dan berterusan.**

## **7.2 Pengangkutan**

Menyedari pengangkutan merupakan wahana penting yang menen-tukan kemajuan industri pelancongan, maka langkah-langkah berikut perlu diambil:

- 7.2.1 Memperbesarkan Lapangan terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa;
- 7.2.2 Mempertingkatkan penyelarasan dan mengamal mutu perkhidmatan beca, kereta sewa, bas dan pengangkutan air;
- 7.2.3 Mempertingkatkan mutu layanan, ketepatan masa, memandu secara berhemat, berdisiplin dan menghormati penumpang;
- 7.2.4 Mempertingkatkan mutu perhubungan dan pengangkutan darat, air dan udara untuk memudahkan kesampaian ke destinasi pelancongan;
- 7.2.5 Mempertingkatkan kemudahan meletak kenderaan.

#### **JANGKA MASA TINDAKAN :**

**Perlu dilaksanakan serta merta dan berterusan.**

### **7.3 Penginapan**

Menyedari penginapan merupakan kemudahan utama industri perlan-congan, maka langkah-langkah berikut perlu diambil:

- 7.3.1 Mengadakan ternpat ibadat yang sempurna bagi orang Islam
- 7.3.2 Menyediakan bahan bacaan tentang Islam terutamanya alQuran dan terjemahannya, keperluan solat bagi lelaki dan wanita di setiap bilik penginapan dan aspek-aspek penting mengenai negeri Kelantan.
- 7.3.3 Mengutamakan reka bentuk dan hiasan bercirikan budaya ternpatan yang sesuai dengan Islam di dalam dan di luar premis;
- 7.3.4 Mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan kebersihan di dalam dan di luar premis;
- 7.3.5 Mempertingkatkan hubungan pemasaran penginapan dengan agensi pelancongan luar Kelantan;
- 7.3.6 Mengadakan pameran dan persembahan seni budaya tempatan yang tidak bertentangan dengan Islam di ternpat penginapan.

#### **JANGKA MASA TINDAKAN :** **Perlu dilaksanakan serta- merta dan berterusan.**

#### **7.4 Perkhidmatan Makanan dan Minuman**

Menyedari makanan dan minuman merupakan keperluan utama dalam industri pelancongan, maka langkah-langkah berikut perlu di ambil:

- 7.4.1 Mempastikan dan mengawal penyediaan makanan dan minuman yang halal, bersih dan suci di sisi Islam di semua premis;
- 7.4.2 Mempelbagaikan jenis makanan dan minuman masyarakat tern-patan yang halal dan suci;

- 7.4.3 Mempertingkatkan mutu Iayan dan penyediaan makanan dan minuman di semua premis;
- 7.4.4 Mempromosikan makanan dan minuman tempatan yang halal di luar Kelantan;
- 7.4.5 Mempastikan penjualan minuman keras hanya di premis yang dibenarkan secara tertutup dan kepada bukan Islam sahaja.

## **JANGKA MASA TINDAKAN :** **Perlu dilaksanakan serta-merta dan berterusan.**

### **7.5 Daya Tarikan Pelancongan**

Menyedari daya tarikan pelancongan merupakan komponen asas dalam industri pelancongan, maka langkah-langkah berikut perlu diambil:

- 7.5.1 Mempromosikan imej Kelantan sebagai Negeri 'Serambi Mekah' dan 'Melancong di Bulan Ramadhan'.
- 7.5.2 Mempromosikan imej 'Kota Bharu Kota Budaya', 'Zon Budaya' dan 'Zan Ilmu'.
- 7.5.3 Memaju dan mempromosikan tempat rekreasi, taman bertema, taman teknologi, sukan, homestay, Meeting air In센tive Convention Exhibition (MICE) jungle tracking, riverine, kolam panas, permainan tradisional, tempat bersejarah, Perkampungan Kraftangan, seni budaya dan seni bina ternpatan yang sesuai dan wajar dengan Islam.
- 7.5.4 Mempromosikan kepelbagaian etnik dan budaya seperti ternpatan;
- 7.5.5 Mempromosikan aktiviti agama Islam yang terdapat di Kelantan majlis keagamaan dan institusi pengajian Islam termasuk pengajian pondok, sekolah agama dan Ma'had Tahfiz al-Quran;
- 7.5.6 Mengadakan program dan pakej homestay di pusat pengajian pondok;
- 7.5.7 Mengada dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan kebersihan tandas awam;

- 7.5.8 Mengada dan membangunkan sumber daya tarikan pelancongan;
- 7.5.9 Mempastikan masjid, bandar, pekan, kampung, longkang,jalan dan teripat awam sentiasa dalam keadaan bersih dan indah;
- 7.5.10 Mengelakkan seni bina dan perkampungan Melayu tradisional di pinggir bandar sebagai daya tarikan pelancong;
- 7.5.11 Mempastikan reka bentuk semua premis kerajaan dan awam yang baru menonjolkan ciri-ciri seni bina Melayu tempatan.

## **JANGKA MASA TINDAKAN:** **Perlu dilaksanakan serta merta dan berterusan**

### **KESIMPULAN**

Dasar Pelancongan Negeri Kelantan menekankan aspek-aspek pembangunan insan, ekonomi, budaya dan alam sekitar yang bertunjangkan Islam sebagai ad-din. Bagi mencapai matlamat dan dasar ini, Pelan Induk dan Pelan Tinda-kan hendaklah dilaksanakan dengan kadar yang segera dan berkesan dalam rangkaian industri pelancongan di semua peringkat.